

31 JUL 1999

Mahathir-India

UNDI MASYARAKAT INDIA PENENTU KEMENANGAN CALON BN

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sokongan masyarakat India kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang penting, kerana undi mereka akan memastikan kemenangan BN di kawasan majoriti pengundinya adalah Melayu atau Cina.

Perdana Menteri berkata undi mereka penting memandangkan biasanya calon BN akan berdepan dengan calon pembangkang yang terdiri daripada kaum majoriti kawasan itu.

Begitu juga sebaliknya undi Melayu dan Cina juga penting bagi menjamin kemenangan calon BN daripada MIC kerana kaum India tidak mempunyai satupun kawasan yang majoriti penduduknya terdiri daripada kaum itu, katanya ketika merasmikan mesyuarat agung tahunan MIC Ke-53 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

"Lagipun kaum India terbahagi kepada terlalu banyak parti politik. Oleh itu calon MIC perlu kepada sokongan pengundi Melayu dan Cina," katanya.

Oleh kerana pengundi keturunan India memberi sokongan kepada calon BN daripada kaum lain, pengundi Melayu dan Cina akan menyokong dan memberi kemenangan kepada calon BN dari MIC, kata Dr Mahathir.

"Oleh demikian saya harap semua pengundi keturunan India akan sokong MIC dan calon-calon BN yang lain," kata beliau.

Sambil menegaskan bahawa parti lawan bukan pilihan untuk kaum India, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN, berkata pembangkang tidak sepakat dan hanya mendirikan pakatan menjelang pilihan raya.

"Lepas pilihan raya, mereka akan berpecah dan masing-masing akan membawa diri," kata beliau.

Bagi pembangkang, yang penting hanyalah menambah undi dan mendapat tambahan kerusi sedikit dan bukan bekerjasama untuk mendirikan kerajaan dan melaksanakan program pembangunan bagi negara dengan penduduk berbilang bangsa, katanya.

Dalam ucapannya yang disiarkan secara langsung menerusi RTM, Perdana Menteri berkata beliau percaya MIC akan terus memberi kerjasama dan berusaha dengan lebih kuat lagi untuk memelihara keharmonian serta perpaduan kaum supaya kerajaan BN dapat terus membangunkan negara.

"Tiada lagi pilihan bagi kaum India Malaysia selain BN untuk memperjuangkan aspirasi dan harapan serta nasib anak cucu mereka di masa depan di negara kita di bumi bertuah ini," kata beliau disambut tepukan gemuruh kira-kira 6,000 perwakilan dan pemerhati persidangan dua hari itu.

Sambil mengulangi bahawa parti lawan bukan pilihan, Dr Mahathir berkata pembangkang sudahpun menunjukkan sikap tidak toleran terhadap orang lain.

"Sementara mereka mahu kerajaan BN bersikap liberal, mereka berjanji akan tutup semua akhbar, radio dan TV yang tidak menyokong mereka," kata beliau.

Perdana Menteri berkata kerajaan pembangkang "tetap akan jadi kerajaan diktator yang tidak akan membenarkan kebebasan bersuara dan mengadakan akhbar parti lawan."

"Apakah kaum India akan lebih bebas di bawah kerajaan parti lawan?"

"Kita tahu DAP umpamanya adalah milik (setiausaha agung DAP) Lim Kit Siang dan keluarganya. Tidak siapa boleh menentanginya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata "Dinasti Kit Siang" akan mengetuai DAP selama-lamanya manakala orang India dalam DAP hanya boleh berada dalam parti itu jika mereka menyokong Kit Siang kerana dalam DAP, apa yang penting bukan negara atau DAP tetapi Kit Siang.

Beliau berharap masyarakat India tidak akan terpedaya dengan janji DAP dan pakatan pembangkang.

Perdana Menteri juga berkata kejayaan negara dalam menangani krisis kewangan dan kegawatan ekonomi adalah hasil kekuatan BN dan kerajaan BN.

Kata beliau, jika usaha pemulihan ekonomi cuba dibuat oleh kerajaan yang lemah, walaupun usaha itu baik dan mampu berjaya, serangan oleh pembangkang dan "rakan mereka" dari luar negeri akan menyukarkan dan menggagalkan usaha itu.

"Tetapi oleh kerana sokongan kuat daripada majoriti yang besar BN dalam Parlimen dan dengan itu majoriti rakyat, usaha kerajaan tidak terganggu dan dapat dijayakan.

"Inilah kebaikan yang datang daripada pemberian majoriti yang besar kepada BN," katanya.

-- BERNAMA

ES RON